

'Bukan kes terlepas pandang'

MB nafikan kejadian ban pecah akibat tiada peruntukan

■ MARLIA ZAKARIA

KLANG- Kerajaan negeri menafiikan bahawa kejadian ban pecah di Kampung Batu Lima kelmarin sebagai kes 'terlepas pandang'.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, ia berikutan keutamaan diberi kepada ban-ban yang lebih berisiko melalui peruntukan yang diluluskan sebelum ini.

"Kerajaan negeri beri keutamaan berdasarkan laporan teknikal dari JPS Selangor, keutamaan perlu diberi kepada empat kawasan dengan kos RM4.3 juta yang diluluskan bulan lepas.

"Ban ni tak ada dalam peruntukan RM4.3 juta tersebut tapi termasuk dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11) berjumlah RM 3 juta. Tapi bila tau ban di sini pecah dan perlu diperkuatkan, JPS datang segera," katanya.

Katanya, ban yang pecah sebanyak 40 meter sahaja dan kerja-kerja

meletakkan 4,000 beg pasir sedang giat dilakukan sebelum fenomena air pasang berulang.

"Ban yang pecah sejauh 40 meter sahaja disebabkan tidak ada buffer kayu bakau. JPS beri jaminan kerja-kerja siap menjelang 9 malam ini (semalam) termasuk meletakkan 4,000 beg pasir untuk tinggikan ban tersebut dan diharap usaha ni dapat halang air melimpah," katanya.

Dalam masa sama katanya, kerajaan negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor telah meluluskan kos sebanyak RM4.5 juta bagi tujuan pembesaran dan naik taraf kunci air di Sungai Keramat dan pam di Sungai Daun dengan segera.

"Bagi masa terdekat, kunci air lama di Sungai Keramat ini memerlukan naik taraf dan pembesaran. Begitu juga pam di Sungai Daun yang melibatkan RM4.5 juta.

"Bermakna, sebelum insiden ini berlaku proses ini telah berjalan dan JPS dah ambil langkah-langkah proaktif untuk memastikan semua ban-



Mohamed Azmin (dua, kanan) bersama Exco Kesihatan, Kebajikan, Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi (dua, kiri), membantu menyediakan beg pasir ketika mengadakan lawatan ke ban Kampung Batu Lima, semalam.

ban di pesisir pantai ini diperkukuhkan," katanya.

Selain itu katanya, JPS juga telah membuat permohonan kepada kerajaan persekutuan untuk menaik taraf pesisir pantai yang melibatkan kos lebih RM300 juta.

"Dalam jangka masa panjang, JPS telah mohon peruntukan dalam

RMK11, untuk menaik taraf pesisiran pantai sejauh 70 kilometer dari 291 kilometer yang melibatkan kos sebanyak RM300 juta.

"Kita ada perancangan jangka pendek dan panjang tapi kalau ada insiden seperti ini, sudah tentu kita akan bertindak serta-merta," katanya kepada *Sinar Harian*.